



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

KEJADIAN TANAH RUNTUH DI BATU 59, BLUE VALLEY, CAMERON HIGHLANDS

Pada 26 Januari 2024 jam 2.51 pagi, satu kejadian gelongsoran tanah telah dilaporkan berlaku di Batu 59, Blue Valley, Cameron Highlands, Pahang. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah menjalankan siasatan tapak bagi mengenalpasti punca kejadian serta menentukan zon bahaya dan zon kawalan kawasan kejadian bagi memastikan keselamatan anggota agensi tindakbalas semasa operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) dijalankan.

Siasatan awal JMG mendapati punca kejadian ini disebabkan hujan yang berterusan bermula pada jam 3.00 petang, 24 Januari 2024 dengan jumlah kumulatif hujan harian mencapai 126 mm pada 25 Januari 2024 (Sumber: publicinfobanjir.water.gov.my, Jabatan Pengairan dan Saliran). Hujan berterusan ini menyebabkan cerun-cerun semula jadi yang berkecuraman tinggi yang didasari batuan granit (lebih daripada 35 darjah) cenderung untuk runtuh.

Bagi mengelakkan risiko kejadian bencana geologi tanah runtuh, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui JMG mengesyorkan pihak berkuasa tempatan supaya mengambil kira input Projek Penghasilan Peta Bahaya dan Risiko Cerun (PBRC) dalam perancangan pembangunan dan pengawalseliaan aktiviti kelestarian pertanian di kawasan bercerun.

NRES akan mengkaji kesesuaian pemasangan sistem amaran awal seperti tolok hujan secara komprehensif terutama di kawasan yang dikenal pasti berkerentanan tinggi tanah runtuh yang dijangka akan disiapkan pada hujung tahun 2024 di 7 buah kawasan terpilih.

Pihak JMG dari semasa ke semasa akan memperluas dan mengemaskini peta-peta berkaitan melalui PBRC dalam menyalurkan maklumat berkenaan kawasan potensi bahaya tanah runtuh kepada pihak berkepentingan.

NRES komited terhadap aktiviti penyelidikan dan penggunaan teknologi tinggi terkini dalam mengenal pasti serta pemantauan kawasan 'hotspot' bencana geologi. NRES juga bersedia bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi teknikal untuk memperluaskan program pengurusan risiko bencana melibatkan komuniti (Community-Based Disaster Risk Management, CBDRM) kepada penduduk kawasan sekitar bagi meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan terhadap bahaya bencana geologi tanah runtuh.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

30 JANUARI 2024